

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 30/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12
Tajuk : Percepatkan proses inkues

Sinar Harian (Cats 12) 30/12/2018
Percepatkan proses inkues

ALOR SETAR - Kerajaan dan pihak berkuasa digesa mempercepatkan proses siasatan inkues berhubung kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim bagi memberikan keadilan sewajarnya.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, tindakan lambat oleh pihak berwajib boleh menyebabkan semangat pekerja awam yang seangkatan Adib akan hilang.

"Allahyarham adalah salah seorang pencarum koperasi dari 6.5 juta ahli di negara ini. Saya percaya ahli lain juga mahu arwah Adib mendapat pembelaan yang seadil-adilnya.

"Kehilangan arwah adalah kehilangan kepada keluarganya kerana arwah juga merupakan tempat bergantung kepada keluarga ini," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan RM10,000 dari Angkasa kepada bapa Allahyarham Muhammad Adib, Mohd Kassim Abd Hamid di Kampung Tebengau, Kuala Kedah, semalam.

Abdul Fattah berkata, pihak yang terlibat dalam kes berkenaan sehingga menyebabkan Allahyarham Muhammad Adib meninggal dunia diharapkan dapat ditangkap dan dihukum.

"Perkara ini rumit namun saya percaya dengan kemampuan pihak berwajib dan kerajaan untuk menyelesaikannya," katanya.



Abdul Fatah (empat, kanan) menunjukkan sijil koperasi milik Allahyarham Adib kepada Mohd Kassim.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA